

13/09/1997

PM gigih majukan sektor industri

Kamal Ahmad

PERANAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pembangunan sektor perindustrian bermula sejak 20 tahun lalu. Ketika itu beliau adalah Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam Kabinet Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn.

Dr Mahathir yang kemudian dilantik oleh Hussein menjadi timbalannya, sudah pun memberi perhatian serius terhadap portfolio kedua itu dengan mengetuai banyak rombongan dagang membabitkan kakitangan kerajaan, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) dan wakil syarikat ternama di sektor perindustrian.

Dengan satu senarai insentif dalam tangan dan keupayaan memujuknya sebagai senjata Dr Mahathir berulang-alik ke Amerika Syarikat Jepun dan Eropah untuk menjual Malaysia sekali gus memujuk pelabur supaya menanam modal berjuta ringgit mereka di negara ini.

Dr Mahathir umpama seorang jurujual. Penyertaan Perdana Menteri secara giat dalam rombongan dagang mendedahkan beliau dengan tips dari luar mengenai masalah dan peluang berkaitan pelaburan.

Beliau tahu apa yang pelabur mahu, apakah yang membimbangkan mereka; apakah yang boleh menarik mereka ke sini dan bagaimana untuk membolehkan mereka kekal di sini. Pengalaman itu menjadi bahagian yang begitu berguna dalam usaha terbaru beliau untuk menjadikan negara ini sebagai pusat industri berteknologi tinggi dan yang terbaru projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Kesungguhan Dr Mahathir melaksanakan projek kereta nasional adalah jelas sebagai manifestasi mengenai usahanya menjadikan negara satu pusat industri berteknologi tinggi. Projek itu bukan setakat untuk kita mempunyai kereta nasional malah ia memerlukan teknologi dan keupayaan mengeluarkan komponen tempatan dan memacu pertumbuhan industri sokongan kecil dan sederhana.

Walaupun ketika itu ada beberapa jenis kereta yang dipasang di negara ini, kepelbagaian antara komponen individu menjadikan kita lebih hebat untuk menubuhkan sebuah syarikat tempatan untuk mengilang kereta berkenaan menjadi kenyataan.

"Apabila diberitahu mengenai perkara ini Perdana Menteri berkata, jika kita tidak boleh membuat komponen untuk kereta luar, maka kita harus ada kereta sendiri yang akan menggunakan komponen tempatan," demikian kata Datuk J Jegathesan, yang kini Timbalan Ketua Pengarah Mida, mengimbas perbincangan tempoh hari.

Satu kajian telah pun dibuat dan mendapati idea itu boleh dicapai. Maka projek kereta nasional pun dilancarkan.

Hakikatnya, Dr Mahathir sentiasa berada di hadapan dalam semua usaha menggalakkan perindustrian. Ini telah pun memberikan satu petunjuk kepada pelabur bahawa kerajaan yang memerintah begitu bersungguh-sungguh dalam usahanya menggalakkan pelabur ke Malaysia.

Bagi mereka kehadiran Dr Mahathir akan membolehkan masalah mereka boleh didengar oleh pihak paling tinggi dalam kerajaan. Dalam tempoh lima tahun bersama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Miti) telah pun membolehkan beliau mengetahui ruang di mana birokrasi boleh dikurangkan kepada pelabur.

Adalah ketara bahawa Mida, sebagai badan penasihat, boleh berfungsi dengan lebih baik jika agensi itu ada capaian dalam proses menggubal dasar membabitkan pembangunan perindustrian.

Langkah sudah pun diambil untuk membenarkan agensi itu terbabit dengan tugas yang membabitkan pelabur yang dilakukan oleh jabatan kerajaan. Antaranya ialah menjadikan Mida sebagai Pusat Pelaburan (COI) dan yang sebahagian tugas itu sebelum ini dilakukan oleh Miti. Ini akan memudahkan pelabur untuk memulakan operasinya di sini.

Minat Perdana Menteri terhadap sektor perindustrian juga membolehkan beliau lebih peka dengan perubahan dalam persekitaran dunia perindustrian dan memandu negara ke arah yang sewajarnya.

Dr Mahathir juga telah pun menggariskan arah secara umum bagi tempoh 23 tahun akan datang melalui Wawasan 2020. Dengan minat menggalakkan yang ditunjukkan oleh masyarakat antarabangsa terhadap MSC, maka jurujual nombor satu itu telah pun meletakkan negara ini di tempat sewajarnya untuk mencapai Wawasan 2020.

(END)